

PANTUN



sejenis puisi tradisional masyarakat Melayu yang wujud sejak zaman berzaman lagi.

- *terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan sebaris.*
- *terbahagi kepada dua, iaitu rangkap pembayang dan rangkap maksud.*



**CIRI-CIRI
PANTUN**

PANTUN DUA KERAT(NASIHAT)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.
Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.
Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.
Emas,perak,tembaga,suasa,
Malas bergerak tidak merasa.
Buah sintang buah senikul,
Sintang memegang satu memikul.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh
Rampasari Puisi Warisan, 1985
Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Baca Pantun Dua Kerat (Nasihat) di atas dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, tuliskan rangkap sama ada (1, 2, 3, 4 atau 5) yang betul bagi maksud pantun di atas itu dengan betul dalam ruangan di bawah ini.

MAKSUD PANTUN	RANGKAP
Hubungan yang erat antara satu sama lain dalam kehidupan.	
Orang yang leka akan ketinggalan dalam kehidupan.	
Orang yang malas berusaha tidak akan beroleh kejayaan.	
Rupa paras tidak menjadi keutamaan asalkan mempunyai tingkah laku yang mulia.	
Sikap tolong-menolong dalam melakukan sesuatu pekerjaan	

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul selepas menonton video pembelajaran tersebut.

TEMA

_____ yang dapat membina diri seseorang ke arah _____.

PERSOALAN

1. Sifat manusia itu akan terserlah pada setiap _____ lakunya.
2. Orang yang kuat _____ tidak aktif dan tidak produktif.
3. _____ diri bukan penghalang untuk berjaya dan menyumbang sesuatu yang berfaedah.

BENTUK

1. Pantun dua kerat terdiri daripada bentuk _____.
2. Mempunyai _____ rangkap.
3. Setiap rangkap mempunyai _____ baris.
4. Baris pertama ialah _____ manakala baris kedua ialah _____.
5. Terdiri daripada lapan hingga sebelas _____ kata.
6. Terdiri daripada tiga hingga lima _____ perkataan dalam sebaris.
7. _____ akhirnya aa.

Senaraikan lima nilai yang terkandung dalam Pantun Dua Kerat berdasarkan video yang anda tonton itu.

NILAI

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PENGAJARAN

1. Kita harus _____ dalam setiap perbuatan dan tindakan kita.
2. Kita harus mengelakkan diri daripada banyak _____.
3. Kita janganlah _____ akan kekurangan diri.
4. Kita hendaklah rajin berusaha demi mencapai _____.
5. kita hendaklah memiliki daya _____ yang tinggi.